



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/B/0059
Tarikh : 28 Januari 2014

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2014**

**BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)
KEPADA PEGAWAI PENYELIDIK LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Bil 17/2007, Kerajaan telah mengekalkan pengiktirafan skim Pegawai Penyelidik sebagai salah satu skim Perkhidmatan Kritikal. Walaubagaimanapun, SPP yang sama juga telah menetapkan agar semua syarat-syarat pemberian BIPK seperti berikut dipatuhi:

- (i). Mempunyai kelayakan/kelulusan yang disyaratkan dalam skim-skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;
- (ii). Dilantik sebagai pegawai tetap/sementara/kontrak (pegawai kontrak dari dalam dan luar negara) dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;
- (iii). Berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Professional atau Kumpulan Sokongan; dan
- (iv). Menggunakan kelayakan/kelulusan yang dimilikinya untuk menjalankan skop fungsi bidang tugas skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal. Contohnya, bagi skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik, skop fungsi bidang tugasnya ialah menjalankan penyelidikan asas dan gunaan. Jika pegawai menjalankan tugas-tugas lain seperti tugas-tugas pentadbiran, pengurusan personel, perhubungan awam dan perkhidmatan kaunter, mereka tidak layak diberi BIPK.

2. Pengurusan LGM semasa mesyuarat Majlis Bersama Jabatan BII 3/2013 bertarikh 2 Ogos 2013 telah membuat keputusan BPIK hanya akan dibayar kepada Pegawai Penyelidik yang menjalankan tugas-tugas penyelidikan berdasarkan pegawai yang mendaftar di RnDSold sahaja. Ini memberi justifikasi bahawa pegawai penyelidik menggunakan kelayakan/kelulusan yang ada bagi menjalankan aktiviti-aktiviti R&D. Senarai pegawai yang layak adalah berdasarkan senarai nama yang diberikan oleh pihak SPP (P&I) kepada UPSM dari masa ke semasa.

3. Sehubungan dengan itu, peraturan pembayaran BIPK kepada Pegawai Penyelidik LGM seperti di atas berkuatkuasa mulai **1 Januari 2014**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(SHHRIR MOHD SALLEH)

s.k. Y. Bhg Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (P&I)
Timbalan Ketua Pengarah (D&O)
Pengarah-Pengarah Bahagian